


MENJEJAKI KEINDAHAN ISLAM



Rasid Muhamad



MENJEJAKI KEINDAHAN ISLAM

Rasid Muhamad

PUSTAKA PERDANA



1012623

Pusat Penerbitan Universiti (UPENA)

Universiti Teknologi MARA • SHAH ALAM • 2010



© Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM 2010

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
e-mel: upena@salam.uitm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Rasid Muhamad, 1959-

Menjejak Keindahan Islam / Rasid bin Muhamad.

Mengandungi indeks

Bibliografi: ms. 169

ISBN 978-967-305-350-6

1. Man (Islam). 2. Islam--Doctrines. I. Judul.
297.22

Reka bentuk kulit : Univision Press Sdn. Bhd.

Diatur huruf oleh : Univision Press Sdn. Bhd.

Rupa taip teks : Times New Roman

Saiz taip teks : 11/12

Dicetak di Malaysia oleh : Univision Press Sdn. Bhd.

Lot 47 & 48, Jalan Sr 1/9,

Seksyen 9, Taman Serdang Raya,

Seri Kembangan, 43300 Selangor

e-mel: univisionpress@gmail.com

297.22
RAS



Kandungan

<i>Prakata</i>	xi	
Bab 1	Hakikat dan Matlamat Kejadian Manusia	
	Pengenalan	1
	Makna Manusia	1
	Proses Kejadian Manusia	2
	Unsur Utama Kejadian Manusia	3
	Keistimewaan Manusia	3
	Kelemahan Manusia	6
	Kelemahan Akal Manusia	9
	Matlamat Kejadian Manusia	9
	Kesimpulan	10
Bab 2	Agama dan Manusia	
	Pengenalan	11
	Definisi Agama	11
	Pembahagian Agama	12
	Kenapa Manusia Perlu Kepada Agama	13
	Keperluan Kepada Islam	14
	Matlamat Islam	14
	Kesimpulan	17

Bab 3 Tasawwur Islam	
Pengenalan	20
Kenapa perlu Memahami Islam	20
Apa Dia Islam	21
Islam Sebagai Ad-Din	22
Asas Pembinaan Islam	23
Sistem Islam	25
Pengukeh Islam	29
Sumber Ajaran Islam	30
Keistimewaan Islam	30
Kesimpulan	33
Bab 4 Akidah dalam Kehidupan Muslim	
Pengenalan	35
Makna Akidah	35
Perkara Asas Akidah	36
Unsur Mengukuhkan Akidah	37
Keistimewaan Akidah Islam	38
Pengaruh Akidah	38
Faktor yang Membatalkan Akidah	42
Faktor Mendorong Kemurtadan	49
Memupuk Akidah yang Mantap	51
Kesimpulan	51
Bab 5 Ibadah dalam Kehidupan Muslim	
Pengenalan	51
Makna Ibadah	51
Penjenisan Ibadah	53
Kepentingan Ibadah	55
Memantapkan Ibadah	58
Keistimewaan Ibadah dalam Islam	58
Kesan Ketidakkafahaman dan Pengabaian Ibadah	59
Kesimpulan	60
Bab 6 Akhlak dalam Kehidupan Muslim	
Pengenalan	61
Makna Akhlak	61
Penjenisan Akhlak	62
Cakupan Akhlak	62
Kepentingan Akhlak	65

Keistimewaan Akhlak Islam	66
Cabaran Akhlak	67
Memupuk Akhlak	68
Kesimpulan	72
Bab 7 Konsep Khalifah dalam Islam	
Pengenalan	73
Makna Khalifah	73
Fungsi Khalifah	74
Syarat untuk Menjadi Khalifah	75
Kesimpulan	77
Bab 8 Konsep Dakwah	
Pengenalan	79
Makna Dakwah	79
Prinsip Dakwah	81
Keperluan Dakwah	82
Matlamat Dakwah	84
Peribadi Pendakwah	85
Fokus dan Tumpuan Dakwah	88
Pendekatan Dakwah	89
Kesan Pengabaian Dakwah	90
Kesimpulan	91
Bab 9 Konsep Jihad dalam Islam	
Pengenalan	93
Maksud Jihad	93
Keperluan Jihad	94
Pembahagian Jihad	94
Adab dalam Berjihad	95
Kesimpulan	97
Bab 10 Konsep Keilmuan dan Pembinaan Ummah yang Cemerlang	
Pengenalan	99
Makna Ilmu	99
Sumber Ilmu	100
Penjenisan Ilmu	100
Martabat Ilmu	101
Kesepaduan Ilmu	101

Nilai Spritual Keilmuan	102
Ilmu Dan Kecemerlangan Ummah	103
Pembudayaan Ilmu	105
Kesimpulan	106
Bab 11 Pendidikan dan Penjanaaan Modal Insan	
Pengenalan	107
Isu-Isu dalam Pendidikan	107
Makna pendidikan	108
Falsafah dan Makna Pendidikan	108
Fokus pendidikan	110
Peranan pendidikan	113
Sifat Pendidik	114
Kesimpulan	117
Bab12 Seni dan Budaya dalam Islam	
Pengenalan	119
Makna Seni dan Budaya	119
Matlamat Seni dalam Islam	120
Nilai Islam Dalam Kegiatan Seni	120
Ke Arah Seni Yang Bermartabat Tinggi	123
Kesimpulan	124
Bab13 Islam dan Ketatanegaraan	
Pengenalan	125
Politik dan Ketatanegaraan	125
Prinsip Ketatanegaraan Islam	126
Syura	126
Keadilan	127
Kebebasan	128
Persamaan	128
Akauntibiliti	129
Akauntibiliti Pemerintah	130
Fungsi Negara	131
PraSyarat Pemimpin	135
Sifat Tambahan	136
Kesimpulan	138

Bab14	Cabaran Utama Umat Islam	
	Pengenalan	139
	Cabaran Dalaman	139
	Cabaran Luaran	145
	Cabaran Pemikiran	147
	Menghadapi Cabaran	148
	Kesimpulan	151
Bab15	Membina Masa Depan Islam yang Gemilang	
	Pengenalan	153
	Optimisme Terhadap Islam	154
	Hujah Mengharap Terhadap Islam	156
	Pendekatan Umum Membina Masa Depan	162
	Tanggung Jawab Asasi Seorang Muslim	160
	Kesimpulan	161
Bab16	Rumusan dan Kesimpulan	
	Pengenalan	163
	Islam Dan Kehidupan	163
	Islam Dan Masa Depan	163
	PraSyarat kecemerlangan	164
	Ciri Masyarakat Bertamadun	165
	Generasi Yang Cemerlang Menurut Al-Quran	166
	Kesimpulan	168
	<i>Rujukan</i>	169
	<i>Indeks</i>	177





Prakata

Segala puja dan puji dirafakkan setulus dan setingginya, khusus kepada Allah SWT, kerana dengan izin, dan hidayah-Nya, buku ini dapat disempurnakan penulisannya.

Selawat dan salam ditujukan khusus kepada Rasulullah SAW, penghulu para nabi dan rasul, yang menyampaikan kebenaran. Islam yang disampaikan akan menjadi panduan dan suluhan kehidupan buat manusia hingga ke akhir zaman.

Buku ini ditulis, sebagai satu pelaksanaan tanggungjawab sebagai seorang muslim, yang sewajarnya bersikap sebagai seorang pendakwah dalam kapasiti yang dimilikinya. Pendakwah dalam erti menyampaikan, menghurai dan menyebarkan kebenaran yang ada pada Islam itu, agar Islam itu dapat dipertingkatkan kefahaman dan penghayatannya. Dengan itu, misi Islam sebagai *rahmatan lil alamin*, rahmat untuk seluruh alam itu dapat direalisasikan.

Buku ini digarap sedemikian rupa, tidak terlalu akademik, tetapi agak santai, semoga ia dapat dibaca dan difahami secara meluas oleh masyarakat. Ia membicarakan perkara asas Islam serta perkara yang menjadi isu dalam masyarakat. Isu yang dibicarakan bukanlah sesuatu yang baru, tetapi perlu diperbaharukan dalam masyarakat.

Secara umum buku ini membicarakan persoalan asas tentang manusia, hakikat kejadian dan peranan sebenar manusia. Ia juga membicarakan tentang Islam, keperluan memahami dan menghayatinya. Ia membincangkan konsepsi asas yang berkaitan dengan Islam seperti

persoalan akidah, ibadah dan akhlak. Ia juga membicarakan sistem yang terkandung dalam Islam seperti kesenian, politik dan ketatanegaraan, keilmuan dan pendidikan. Ianya juga menyentuh tentang pengukuh serta pemelihara kepada Islam iaitu dakwah dan jihad. Di samping itu ia membicarakan secara umum cabaran besar yang dihadapi oleh umat Islam, khususnya umat Islam di Malaysia dan beberapa penyelesaiannya. Buku ini di akhiri dengan rumusan dan kesimpulan.

Adalah diharapkan buku ini menjadi bacaan tambahan, kepada mahasiswa khususnya di UiTM yang mengambil kursus CTU 101 dan juga kepada mereka yang ingin mendalami Islam.

Buku ini dapat direalisasikan dengan sokongan pelbagai pihak. Oleh itu, saya ingin mengucapkan terima kasih khusus kepada ahli keluarga iaitu isteri Rohani Sulaiman, anak-anak Muhammad Kamal, Muhammmad Fathi, Madeehah, Najwa Fitriyah, Muhammad Naqib, Muhammad Nur Anwar, Muhammad Nur Islah dan Muhammad Mujahid, yang semuanya amat memahami kerenah saya.

Penghargaan juga kepada pihak UPENA, yang banyak menggalak dan membantu serta tidak jemu untuk menerbitkan hasil tulisan saya. Begitu juga pihak perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Pahang. Hanya Allah SWT yang membalas jasa baik dan sumbangan yang beri.

Buku ini tentunya tidak sunyi daripada kelemahan dan kesalahan. Oleh itu kepada Allah dipohon keampunan dan, kepada pembaca dipohon teguran serta saranan. Mudah-mudahan, penulisan ini akan menjadi amal jariah yang diterima oleh Allah SWT.

Sekian, wassalam.

Rasid bin Muhamad,
CiTU, UiTM Pahang.

Bab 1

Hakikat dan Matlamat Kejadian Manusia

PENGENALAN

Manusia atau insan merupakan makhluk ciptaan Allah SWT yang paling sempurna. Ia dijadikan sedemikian rupa, dengan kehendak dan ilmu Allah SWT. Manusia mempunyai pelbagai kelebihan berbanding dengan makhluk yang lain. Manusia merupakan makhluk yang mempunyai pelbagai bakat dan berpotensi besar yang boleh dibina dan digilap. Dengan yang sedemikian, tentunya peranan yang diamanahkan ke atasnya juga besar dan berbeza berbanding dengan makhluk yang lain.

MAKNA MANUSIA

Kamus Dewan (1986) menghuraikan makna manusia itu sebagai makhluk yang mempunyai akal budi, atau insan. Manakala para pengkaji kemasyarakatan telah menghuraikan beberapa perkara yang berkaitan dengan manusia berdasarkan perspektif serta anutan kepercayaan dan ideologi yang diyakini. Terdapat pelbagai perspektif dalam melihat sesuatu yang berkaitan dengan manusia. Perbincangan tentang manusia biasanya melibatkan perkara-perkara berikut seperti yang disebut oleh Abdul Shukur Haji Hussin (1986):

- Manusia merupakan makhluk yang hidup bermasyarakat.
- Manusia juga makhluk yang mempunyai daya fikir dan menerima ilmu pengetahuan.
- Manusia merupakan kejadian yang mencapai taraf yang tinggi dan sempurna dalam proses kejadiannya.



Terdapat beberapa perkara asas perbincangan yang melibatkan manusia menurut Islam. Abdul Rahman Ahmad (2006), misalnya telah menghuraikan perkara asas tersebut yang melibatkan perkara-perkara berikut:

- Manusia merupakan makhluk Allah yang diciptakan oleh Allah SWT dengan sebaik-baik ciptaan (Surah at-Tin: 4, dan As-Sajdah: 7).
- Manusia mempunyai kedudukan yang tinggi berbanding dengan makhluk-makhluk yang lainnya, iaitu diangkat menjadi khalifah (pemimpin) di atas muka bumi ini (Surah al-Baqarah: 30)
- Manusia merupakan makhluk yang dimuliakan.
- Manusia telah diberikan kelebihan dengan kekuatan ilmu pengetahuan seperti mana yang telah dijelaskan oleh Allah SWT. (Surah al-Baqarah: 33).
- Manusia telah diberikan dua kecenderungan untuk bertindak ke arah kebaikan (ketaqwaan) dan kejahatan (kebinasaan) dalam mengharungi kehidupan (surah al-Syams: 8 hingga 10).
- Manusia merupakan makhluk yang sanggup memikul amanah untuk mentadbir dan memakmurkan alam ini (Surah al-Ahzab: 72).
- Manusia mempunyai keupayaan untuk meningkatkan darjat dirinya mengikut apa yang diusahakannya (Surah al-An'am: 165).
- Manusia perlu menjadikan dirinya hamba Allah dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab yang diterimanya (Surah az-Zariyat: 56).

PROSES KEJADIAN MANUSIA

Penciptaan manusia pertama menurut perspektif Islam ialah penciptaan nabi Adam AS. Penciptaan ini dijelaskan oleh Allah SWT melalui al-Quran. Proses penciptaan Adam AS ini dinyatakan, berasal dari unsur tanah (turab), seperti dalam surah al-Anbiya: 30; dari pati tanah (al-Tin) seperti dalam surah al-An'am: 2; dari tanah yang liat lagi sehati (*al-tin al-lazib*), dalam surah al-Saffaat: 11; dari tanah yang panas dan berbau (*hamma'in al-masnun*) seperti diceritakan dalam surah al-Hijr 28, dari tanah keras seperti tembikar (*sal-sal kal fakhhar*), dinyatakan dalam surah al-Rahman: 14; dari tanah bumi, dinyatakan dalam surah an-Najm: 32; kemudian dijadikan bentuk rupa yang sempurna, seperti dijelaskan dalam surah al-Hijr: 29.

Proses kejadian manusia yang merupakan cucu-cicit nabi Adam AS, dijelaskan dengan terperinci melalui ayat-ayat al-Quran. Proses tersebut melibatkan perkara berikut:

- Janin dalam perut ibu, surah al-Najm: 32.
- Zuriat keturunannya dari pati air yang hina, surah as-Sajdah: 9.
- Allah menciptakan manusia secara berperingkat-peringkat, Surah az-Zumar: 6.

UNSUR UTAMA KEJADIAN MANUSIA

Secara umumnya, manusia terbina dari beberapa unsur yang utama, iaitu unsur fizikal atau jasad, unsur intelktual atau akal, dan unsur spiritual atau kerohanian. Manusia mempunyai unsur fizikal atau jasad yang sempurna dan indah. Struktur tubuhnya yang tersusun rapi, dengan pelbagai fungsi, membolehkannya berperanan dengan berkesan di dunia ini sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah SWT.

Selain dari itu, manusia mempunyai unsur intelektual atau akal. Melaluinya manusia bukan hanya boleh menerima ilmu dan arahan, tetapi boleh mengolah ilmu dan maklumat yang dimilikinya. Dengan itu, manusia akan dapat memanfaatkan segala apa yang dianugerahkan oleh Allah SWT untuk kemaslahatan hidup serta melaksanakan peranannya yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Manusia juga memiliki unsur rohani, dalam bentuk dalaman dan kejiwaan. Dengan unsur ini menjadikannya makhluk yang berperasaan dapat merasai bukan hanya secara fizikal tetapi secara maknawi dan kejiwaan.

Ketiga-tiga unsur asas kejadian manusia ini menjadikan manusia makhluk yang istimewa berbanding dengan makhluk yang lain. Dengan itu, menyerlahkan hakikat bahawa manusia merupakan makhluk yang unik, tersendiri dan mempunyai keistimewaan.

KEISTIMEWAAN MANUSIA

Keistimewaan manusia ini dapat dilihat melalui penciptaan nabi Adam AS, bapa kepada manusia. Sejarahwan terkenal Ibnu Kathir (2004:9) telah menghuraikannya mengenai hal itu. Keistimewaan tersebut ialah:

1. Dirinya diciptakan secara langsung menggunakan “tangan” Allah SWT sendiri.
2. Diberikan roh dari sebahagian “roh-Nya”.
3. Perintah Allah SWT kepada malaikat agar bersujud (menghormati) Adam as.
4. Pengajaran yang diterima Adam AS tentang nama-nama benda.

Menyentuh tentang keistimewaan manusia, Che Kamarudin Md Daud *et al.* (1996), telah menghuraikannya. Ia melibatkan beberapa perkara berikut:

- Mempunyai kesempurnaan dan keistimewaan kejadiannya yang terdiri dari unsur rohani dan jasmani. Ini ditegaskan oleh Allah SWT yang menyatakan penciptaan manusia ini adalah sebaik-baik penciptaan (surah at-Tin :4). Kesempurnaan dan keindahan manusia ini dapat dilihat melalui bentuk dan susunan anggota badannya yang mempunyai pelbagai fungsi, di samping mempunyai sifat rohaninya seperti akal, hati dan jiwa. Semua sifat ini melahirkan manusia sebagai makhluk yang berperasaan, dan mampu bertindak dan berperanan secara berkesan di alam ini.
- Manusia merupakan makhluk yang mempunyai akal fikiran. Akal fikiran inilah yang merupakan pembeza utama di antara manusia dengan makhluk yang lain. Dengan potensi akal ini manusia mempunyai tanggungjawab dan peranan yang berbeza dari makhluk yang lain.
- Lanjutan dari sifatnya yang berakal, manusia juga merupakan makhluk yang bukan hanya boleh menerima ilmu tetapi boleh mengolah dan mengembangkan ilmu. Allah SWT telah melantik manusia menjadi khalifah-Nya di muka bumi ini, dengan adanya ilmu ini (surah al-Baqarah: 31).
- Manusia merupakan satu-satunya makhluk yang dianugerahkan oleh Allah untuknya menggunakan kemudahan di alam ini. Hal ini dijelaskan dengan nyata, melalui firman Allah SWT yang bermaksud, *“Allah telah menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit kemudian mengeluarkan dari air hujan itu berbagai buah-buahan, menjadi rezeki kamu dan Dia menyediakan bahtera bagi kamu supaya bahtera belayar di lautan dengan kehendakNya dan Dia telah*

menundukkan (pula) bagimu sungai-sungai (semuanya untuk kepentingan manusia)” (Surah Ibrahim :32).

Menurut Mohd Yusof Hj Othman (2000), yang menganalisis tulisan yang dilakukan oleh Abdullah Yusof Ali (1978), menyimpulkan bahawa manusia mempunyai beberapa keistimewaan yang ketara berbanding dengan makhluk yang lain. Di antaranya ialah:

- Manusia dapat mengenal dan menamakan sesuatu objek. Ini melibatkan semua perkara sama ada perkara itu dapat dilihat atau dirasa seperti, kereta, basikal, kerbau, lembu dan sebagainya. Ia juga dapat menamakan perkara yang tidak dapat dilihat seperti elektron, syurga, neraka, susah, senang dan sebagainya. Manusia juga bukan hanya dapat mengenal tetapi dapat membezakan antara perkara-perkara tersebut.
- Manusia juga merupakan makhluk yang beremosi. Di samping dapat menggunakan emosi tersebut dengan sewajarnya. Emosi tersebut termasuklah suka, duka, kasih, sayang, benci, marah, riang, sedih, bangga, kecewa, bahagia, derita dan sebagainya. Emosinya sentiasa bersama manusia, dan dirasainya semasa ia berinteraksi dengan orang lain dan menjalani kehidupan. Emosi ini perlu dipandu dengan ilmu dan agama agar ianya terarah dan dimanfaatkan untuk kebaikan.
- Manusia juga diberikan kemampuan untuk mengenal kualiti objek. Mereka dapat mengenal dan mengetahui kualiti sesuatu benda, terutama dengan pengalaman dan pembelajaran yang mendalam. Dengan itu, manusia akan sentiasa membina kehidupan yang lebih terkehadapan dan canggih sesuai dengan tuntutan dan cabaran zamannya. Misalnya dengan mengetahui beberapa bahan (pepejal, logam, aloi dan sebagainya), manusia dapat menggunakan bahan-bahan tersebut untuk dimanfaatkan. Manusia juga dapat mengetahui kualiti seseorang manusia, memberi penilaian, dan pengiktirafan yang sewajarnya terutama terhadap kerja-kerja yang dilakukannya. Dengan potensi ini, manusia dapat memanfaatkan alam dengan sebaik mungkin demi kemaslahatan manusia dalam melayari kehidupan di alam ini.
- Manusia juga mempunyai kemampuan berfikir tentang masa depan. Ini berkait dengan kemampuannya memahami masa silam dan mengambil iktibar darinya, menilai status dan realiti masa kini, dan dapat menelaah dan meramal masa depan. Dengan ini, manusia dapat mencerap, mengambil data, mendapatkan maklumat,

kemudian melakukan analisis dan hipotesis. Dengan itu manusia dapat meramalkan suasana masa depan dan membuat perancangan untuk menghadapinya, walaupun manusia mengetahui bahawa realiti yang sebenar hanya Allah SWT sahaja yang mengetahuinya. Potensi ini membolehkan manusia merancang diri, organisasi dan kehidupannya dengan lebih teratur demi untuk membina kehidupan yang lebih baik.

- Manusia juga mempunyai kemampuan memahami makna sesuatu. Memahami makna ini bukan hanya melibatkan kemampuannya mentafsirkan sesuatu fenomena atau data, atau fakta yang ada, tetapi kemampuannya melihat dengan mata hati yang lebih murni. Oleh itu, manusia bukan hanya memahami realiti yang berlaku tetapi mampu mengambil hikmah dari apa yang berlaku. Dengan pembacaan yang banyak, pendedahan kepada realiti serta pengalaman yang pelbagai, manusia akan dapat lebih memahami realiti yang dihadapi. Dengan itu, manusia akan lebih matang, prihatin serta bertimbang rasa dengan kefahaman yang lebih mendalam terhadap realiti yang dihadapainya. Semua ini tidak mungkin dirasai oleh makhluk yang lain selain dari manusia.

Nyatalah manusia merupakan makhluk yang istimewa yang mempunyai sejumlah sifat dan perbezaan yang ketara yang membezakannya dengan makhluk yang lain. Ia melambangkan, bakat, potensi, serta kemampuan yang boleh digarap yang ada pada manusia. Dengan hal yang demikian manusia diamanahkan dengan tanggung jawab yang juga berbeza berbanding dengan makhluk yang lain.

KELEMAHAN MANUSIA

Walaupun manusia mempunyai keistimewaan dan kelebihan berbanding dengan makhluk yang lain namun sebagai makhluk, manusia pastinya juga mempunyai beberapa kelemahan. Dalam hal ini, Dr. Nabih Abdul Rahman Usman (1990), dalam tulisannya telah membincangkan beberapa kelemahan yang ada pada manusia. Di antara kelemahan tersebut termasuklah:

1. Secara fizikalnya manusia lemah berbanding dengan makhluk yang lain. Ini termasuklah kejadiannya memerlukan pertolongan orang lain. Misalnya, sejak dilahirkan ia memerlukan orang lain untuk hidup, hinggalah sampai ia meningkat dewasa. Manusia juga

- berhadapan kehidupan yang sukar seperti sakit, masalah dan cabaran. Ini ditegaskan oleh Allah SWT melalui firmanNya yang bermaksud, *“Allah, Dialah yang menciptakan kamu dari keadaan lemah, kemudian Dia menjadikan (kamu) sesudah keadaan lemah itu kuat; kemudian Dia menjadikan (kamu) sesudah kuat itu menjadi lemah (kembali) dan beruban. Dan Dia menciptakan apa yang dikehendakiNya, dan Dialah yang Maha mengetahui lagi Maha Berkuasa”* (surah ar-Rum :54).
2. Tergesa-gesa merupakan salah satu sifat yang ada pada diri manusia. Ini digambarkan oleh Allah SWT melalui Firman-Nya yang bermaksud, *“Manusia telah dijadikan (bertabiat) tergesa-gesa”*(surah al-Anbiya: 37). Begitu juga dengah Firman Allah SWT yang bermaksud, *“Dan manusia mendoa untuk kejahatan sebagaimana ia mendoa untuk kebaikan. Dan adalah manusia bersifat tergesa-gesa”*(surah al-Isra’: 11).
 3. Manusia juga jikalau tidak dibimbing, berkecenderungan untuk bersifat kufur serta tidak bersyukur kepada Allah SWT. Dalam hal ini, Allah SWT berfirman yang bermaksud, *“Dan Allah telah membuat satu perumpamaan (dengan) sebuah negeri yang dahulunya aman lagi tenteram, rezekinya datang kepadanya melimpah ruah dari segenap tempat, tetapi (penduduknya) mengingkari nikmat-nikmat Allah; kerana itu Allah merasakan kepada mereka pakaian kelaparan, dan ketakutan disebabkan apa yang selalu mereka perbuat”* (surah an-Nahl: 112).
 4. Manusia juga berkecenderungan untuk berlaku bakhil dan bertindak mementingkan diri jikalau tidak dipupuk dengan nilai-nilai yang baik. Allah SWT berfirman yang bermaksud *“Dan siapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya, maka mereka itulah orang-orang yang beruntung”* (surah al-Hasyr:9). Juga firman Allah SWT yang bermaksud, *“Kamu sekali-kali tidak akan mencapai kebaktian (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa sahaja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”* (surah Ali-Imran : 92).
 5. Manusia juga mempunyai kecenderungan untuk bersifat melampaui batas dan bertindak melampau. Dalam hal ini Allah SWT mengingatkan melalui firman-Nya yang bermaksud,

“Ketahuilah! Sesungguhnya manusia itu benar-benar melampaui batas, kerana dia melihat dirinya serba cukup. Sesungguhnya hanya kepada Tuhanmu tempat kamu kembali” (surah al-Alaq: 6-8).

6. Manusia juga memiliki sifat keluh-kesah terutama ketika berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran. Ini digambarkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya yang bermaksud, *“Sesungguhnya manusia diciptakan bersifat keluh kesah lagi kikir. Apabila ia ditimpa kesusahan ia berkeluh kesah, dan apabila ia mendapat kebaikan ia amat kikir. Kecuali orang-orang yang mengerjakan solat, dan orang-orang yang dalam hartanya tersedia bahagian tertentu, bagi orang (miskin) yang meminta, dan orang yang tidak mempunyai apa-apa (tetapi tidak mahu meminta)* (surah al-Ma’arij : 19-20).
7. Manusia juga berkecenderungan untuk melakukan fitnah dan mengamalkan sifat dendam. Dalam hal ini Allah SWT memperingatkan manusia melalui firman-Nya yang bermaksud, *“Hai orang-orang beriman! Jauhilah kebanyakan dari prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa, dan janganlah sebahagian kamu menghina sebahagian yang lain. Sukakah salah seorang di antara kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati?. Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang”* (surah al-Hujurat: 12).
8. Manusia juga mempunyai sifat munafik dan riya dalam kehidupannya jikalau ia tidak dibimbing dengan pendekatan yang betul. Sebab itu Allah SWT memperingatkan melalui firman-Nya yang bermaksud, *“Khabarkanlah kepada orang-orang munafik bahawa mereka akan mendapat siksaan yang pedih”* (surah an-Nisa: 138).

KELEMAHAN AKAL MANUSIA

Walaupun manusia makhluk yang berakal, dan akal itu merupakan anugerah Allah SWT yang istimewa untuk manusia, namun akal manusia itu sendiri mempunyai banyak kelemahan. Hal ini dihuraikan oleh Haron Din *et al.* (1987) yang antara lainnya menyebutkan kelemahan akal tersebut termasuklah:

- Akal manusia mempunyai kepelbagaian perspektif dalam melihat dan menilai sesuatu. Oleh itu, akan berlaku kecelaruan jikalau ia diserahkan kepada akal manusia secara mutlak untuk menilai sesuatu. Mungkin ada dua kebenaran dalam sesuatu perkara, sedangkan ia tidak mungkin berlaku sedemikian rupa.
- Akal manusia juga terdedah kepada pelbagai pengaruh yang bersifat hawa nafsu, perkauman, semangat kenegerian, keuntungan diri dan kelompok dan sebagainya. Hal ini menyukarkan akal manusia berfikir dan bertindak secara adil dan objektif dalam erti kata yang sebenarnya.
- Akal manusia juga bersifat relatif, yang hanya dapat mencerap apa yang dapat dirasa dan dikesan oleh pancaindera. Oleh itu, ia akan gagal untuk membuat telahan yang tepat untuk masa depan dan perkara-perkara yang tidak dapat dijangkau oleh pancaindera.
- Manusia tidak akan menghormati apa yang dicipta dan dikemukakan oleh orang lain. Oleh itu, ia memerlukan peraturan yang datang dari kuasa yang lebih tinggi darinya. Iaitu agama yang datang dari Allah SWT. Itulah Islam.

MATLAMAT KEJADIAN MANUSIA

Oleh kerana penciptaan manusia itu berbeza dari makhluk yang lain, malah ternyata istimewa dan mempunyai kelebihannya yang tersendiri, tentunya peranan dan tanggung jawabnya juga berbeza. Sama ada manusia suka atau tidak, manusia mempunyai dua peranan yang utama yang harus digalasnya sebagaimana yang ditetapkan oleh Allah SWT, pencipta dirinya dan makhluk yang lain. Peranan manusia tersebut adalah bersifat dwi-fungsi utama iaitu sebagai hamba dan khalifah Allah.

Peranan manusia sebagai hamba dijelaskan oleh Allah SWT yang menciptakan manusia dan segala makhluk yang lain, melalui firmanNya yang bermaksud, *“Dan tidak Aku jadikan jin dan manusia,*

melainkan untuk beribadat kepadaKu” (surah Az-Zariyat:56). Manakala peranan manusia sebagai khalifah Allah ditegaskan oleh Allah lewat firman-Nya yang bermaksud, “Dan Dia (Allah) yang menjadikan kamu khalifah-khalifah di muka bumi, dan mengangkat sesetengah dari kamu di atas setengah yang lain beberapa darjat, untuk menguji kamu pada apa yang Dia (Allah) datangkan kepadamu. Sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang” (Surah al-An’am: 165). Oleh itu, apa sahaja yang dilakukan oleh manusia dalam melayari kehidupannya tidak seharusnya lari dari peranan dan tugas asasnya yang ditetapkan oleh Allah SWT iaitu sebagai hamba dan khalifah Allah tersebut.

KESIMPULAN

Manusia dengan keistimewaan serta kelemahan yang ada pada dirinya, tidak dapat lari dari menggalas tanggung jawab sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi ini. Untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan sempurna, manusia memerlukan bimbingan, dan bimbingan tersebut dijemakan dalam bentuk agama yang datang dari Allah SWT melalui lidah nabi-Nya yang terpilih. Hanya dengan agama yang benar sahajalah manusia dapat memenuhi hakikat sebenar kejadiannya dan mencapai kebahagiaan yang hakiki di dunia dan di akhirat.



Bab 2

Agama dan Manusia

PENGENALAN

Salah satu keistimewaan kejadian manusia ialah kerana ia memiliki unsur kerohanian, di samping unsur fizikal dan akal. Allah SWT juga menjadikannya makhluk yang mempunyai naluri atau fitrah beragama., dan naluri ini tidak ada dan tidak dibekalkan kepada makhluk yang lain. Oleh itu, untuk memenuhi keperluan serta naluri tersebut, manusia memerlukan agama, yang akan menjadi panduan hidupnya. Dan hanya agama yang benar sahaja yang dapat memenuhi naluri beragama ini. Dan manusia bukan hanya memerlukan agama, tetapi memerlukan agama yang benar, yang datang dan diredhai oleh Allah SWT, pencipta manusia dan makhluk yang lain.

DEFINISI AGAMA

Menurut *Kamus Dewan*, agama antara lainnya ditakrifkan sebagai “*kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya, kepercayaan kepada yang Maha Kuasa*” (Teuku Iskandar, 1986:9). Agama tersebut merupakan satu kepercayaan yang dapat membimbing manusia secara keseluruhannya agar hidup berdasarkan nilai, peraturan, serta sistem yang dianggap suci dan dihormati oleh sesebuah masyarakat.

PEMBAHAGIAN AGAMA

Secara umumnya agama ini boleh dibahagikan kepada dua bentuk yang utama, iaitu agama budaya dan agama wahyu. Sidi Gazalba (1980) dalam kajiannya mendapati kedua-dua jenis agama ini mempunyai ciri yang berbeza. Mengikut kajiannya, agama budaya mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- Tidak disampaikan oleh nabi atau rasul dari Allah.
- Tidak mempunyai kitab suci dan kalau adapun telah diubah-ubah.
- Sistem merasa dan berfikir agama ini adalah akar dalam setiap segi kehidupan masyarakat.
- Berubah mengikut perubahan mentaliti masyarakat yang mengamalkannya.
- Kebenaran prinsip-prinsip agama ini tidak tahan diuji.
- Tidak ada unsur keesaan dalam konsep ketuhanan.

Sementara agama wahyu pula mempunyai beberapa ciri asasi, yang amat berlawanan dengan agama budaya. Di antara ciri tersebut ialah:

- Di sampaikan oleh seorang nabi atau rasul
- Memiliki kitab suci yang terpelihara
- Sistem berfikir dan merasa bukan ditentukan oleh masyarakat penganutnya, tetapi sebaliknya agama itulah yang mengendalikan perasaan dan pemikiran masyarakat.
- Kebenaran prinsip agama itu tahan diuji.
- Mempunyai konsep ketuhanan yang Maha Esa

Menurut pendeta Za'ba (1989), agama secara umumnya mempunyai nilai asas yang secara umumnya melibatkan perkara berikut:

- Menyuruh percaya dan berbuat baik.
- Melarang jangan tidak percaya dan jangan berbuat jahat.
- Menjanjikan balasan baik bagi yang percaya dan berbuat baik.
- Menjanjikan balasan susah dan kecewa bagi yang ingkar dan berbuat jahat.

Kesimpulannya, agama merupakan salah satu unsur kehidupan manusia yang penting. Ianya menjadi asas kepada kehidupan manusia yang lebih beradab dan berperaturan, agar manusia bukan hanya dapat

melangsungkan kehidupannya, tetapi kehidupan tersebut akan membawa kebahagiaan dan dapat memenuhi matlamat kewujudannya.

KENAPA MANUSIA PERLU KEPADA AGAMA

Salah satu persoalan penting terutama pada zaman moden dan pasca-modenisme ini ialah tentang persoalan kenapa manusia memerlukan agama. Sesungguhnya, manusia yang hidup pada zaman mana sekalipun masih memerlukan agama. Keperluan manusia kepada agama melibatkan perkara berikut;

1. Manusia mempunyai naluri atau fitrah beragama yang tertanam dalam dirinya. Maka dengan adanya agama, naluri dan fitrah tersebut dapat dipenuhi.
2. Walaupun manusia mempunyai akal, namun ia mempunyai beberapa kelemahan. Ia mudah dipengaruhi oleh nafsu dan suara ramai sedangkan bukanlah jaminan kebenaran tentang sesuatu perkara. Akal manusia juga tidak dapat menjangkau perkara yang bersifat ghaib seperti persoalan metafizikal. Agama yang benar dapat membimbing manusia sedangkan akal sebaliknya pula.
3. Membimbing kehidupan manusia agar ia berfikir dan bertindak berdasarkan bimbingan agama. Oleh itu, hidup manusia akan lebih teratur dan menuju ke arah pembinaan tamadun yang tinggi dan unggul.
4. Manusia akan membina matlamat kehidupan seperti yang ditunjukkan oleh agama. Misalnya dalam Islam, matlamat akhir kehidupan ini adalah untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat, serta dijauhkan dari api neraka. Dengan itu, kehidupan manusia akan terarah dan menuju matlamat yang suci dan mulia serta di redhai oleh Allah SWT.
5. Sejarah membuktikan, tamadun yang tinggi dan hebat akhirnya hancur kerana manusia menyimpang dari bimbingan dan panduan agama. Ini menyerlahkan betapa agama yang benar itu satu keperluan kepada manusia dan ketamadunannya.

KEPERLUAN KEPADA ISLAM

Manusia bukan hanya sekadar memerlukan agama, tetapi ia memerlukan agama yang benar, lengkap dan sempurna. Dalam hal ini tentulah agama tersebut ialah Islam, agama yang lengkap, serta agama akhir zaman yang diturunkan melalui junjungan Nabi Muhammad SAW. Secara ringkasnya, manusia memerlukan Islam, berdasarkan faktor-faktor berikut:

- Islam satu-satunya agama yang mampu mempertahankan ketulenannya berbanding dengan agama samawi yang lain. Oleh itu, status Islam sebagai agama Allah itu masih terjamin ketulenannya, serta terpelihara dari pelbagai penyelewengan dan penyimpangan.
- Islam merupakan agama yang sempurna dan lengkap, yang dapat membimbing manusia ke arah kebahagiaan yang hakiki sama ada di dunia mahupun di akhirat.
- Islam mempunyai sumbernya yang mutlak sifatnya iaitu al-Quran di samping sunnah Rasulullah SAW, yang bersifat *naqli*, di samping sumber *akli* yang lain, seperti ijtihad, ijmak, qiyas, serta kajian dan pengalaman manusia. Dengan itu, manusia dapat membina kehidupannya berdasarkan sumber ajaran Islam
- Sebagai agama Allah, Islam mempunyai keistimewaan yang tersendiri berbanding dengan agama yang lain. Dan ia mampu memberikan jawapan yang pasti terhadap permasalahan serta krisis yang dihadapi oleh manusia di setiap zaman serta tempat dan dari apa jenis manusia sekalipun hingga ke hari kiamat.

MATLAMAT ISLAM

Islam sebagai agama yang amat diperlukan oleh masyarakat manusia. Yusuf al-Qardhawi (2000), telah menghuraikan dengan mendalam dan meyakinkan tentang matlamat utama yang hendak dicapai, yang melambangkan keunggulan Islam. Antara lain ialah:

1. Membina insan yang soleh. Insan yang soleh ini penting kerana ia menjadi asas kepada pembinaan keluarga, masyarakat, ummah , negara dan dunia yang soleh. Insan yang soleh ini dicirikan pula dengan ciri-ciri berikut;
 - Insan yang beriman dan berakidah
 - Insan yang taat dan beribadah
 - Insan yang berakhlak dan bersopan santun
 - Insan yang mempunyai manhaj hidup dan mematuhi syariat.
 - Insan yang berdakwah dan berjihad mendaulatkan Islam.
 - Insan berakal, berilmu dan bijaksana.
 - Insan yang membangun, positif dan konstruktif.

2. Membina keluarga yang soleh. Pembinaan keluarga yang soleh ini berasaskan sistem kekeluargaan yang teratur. Ia bermula dengan pensyariatan sistem perkahwinan yang sah. Ia juga berkaitan dengan tatacara pembinaan keluarga yang mantap seperti pemilihan suami atau isteri yang berdasarkan syariat, penekanan tentang hak dan tanggungjawab suami dan isteri, pembentukan budaya kekeluargaan berteraskan nilai dan prinsip Islam. Di samping menekankan tanggung jawab bersama dalam membina keluarga yang soleh dan bahagia.

3. Membina masyarakat yang soleh, iaitu masyarakat yang terdiri dari individu dan keluarga yang terikat dengan nilai dan dasar Islam. Masyarakat tersebut merupakan sebuah masyarakat yang menekankan perkara-perkara berikut:
 - Masyarakat yang dibina dan bersatu atas dasar akidah.
 - Masyarakat yang menghargai dan menghayati amal solah.
 - Masyarakat yang melaksanakan dakwah dan menghayati *amar ma'ruf nahi mungkar*.
 - Masyarakat yang menghayati dan melaksanakan konsep jihad dalam kehidupan.
 - Masyarakat yang menekankan persoalan akhlak dan sopan santun.
 - Masyarakat yang menekankan konsep persaudaraan dan rasa kasih sayang.
 - Masyarakat yang harmoni dan bertoleransi.
 - Masyarakat yang bertolong bantu dan bekerja sama.
 - Masyarakat yang bersepakat dan bekerja sama.
 - Masyarakat yang saling nasihat menasihati dan berpesan-pesan untuk kebaikan.

Menjejaki Keindahan Islam, membicarakan tentang asas kefahaman Islam. Ia menyentuh persoalan matlamat kejadian manusia, keperluan kepada agama, tasawwur Islam, akidah, ibadah dan akhlak dalam kehidupan muslim. Buku ini juga membincangkan konsep-konsep asas dalam Islam seperti khalifah, dakwah dan jihad dalam Islam. Persoalan keilmuan dan pendidikan, seni dan budaya, ketatanegaraan menurut perspektif Islam dan cabaran semasa umat Islam turut menjadi topik perbincangan supaya kesyumulan Islam itu lebih difahami dan seterusnya dihayati bersama. Penulisan buku ini diharap membantu pembaca meluaskan ufuk kefahamannya tentang Islam serta peranan yang seharusnya dimainkan oleh seseorang muslim dalam pembinaan kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Oleh itu, ia bukan sahaja sesuai untuk golongan pelajar tetapi juga segenap lapisan masyarakat. Harapan penulis agar keindahan yang ada pada Islam dapat dijejaki.

Rasid Muhamad, adalah pensyarah kanan (Profesor Madya) di Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang, kampus Jengka. Memperolehi Sarjana Muda Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1984 dan Sarjana Pentadbiran Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2004. Pernah berkhidmat sebagai tutor di UKM pada tahun 1984 dan mula berkhidmat di UiTM sejak tahun 1985. Beliau pernah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pusat Pendidikan Islam (1987) dan Penyelaras Agama di Pusat Pendidikan Persediaan (PPP) 1990-1994. Penulisan beliau antaranya ialah *Tamadun Islam: Konsep, Sumbangan dan Cabaran* (1993), *Islam: Kefahaman dan Penghayatan* (1993), *Matra Tamadun Islam* (1996) dan *Pengurusan Islam: Teori dan Praktis* (2008). Beliau juga banyak menyumbangkan tulisan dalam *Berita Harian*, *Dewan Masyarakat*, *Dewan Budaya* dan *Risalah*.